



Endoskopi

Panduan Kesihatan Penghadaman Anda

1

Oesophagogastroduodenoscopy (OGDS)

Apa itu OGDS?

Endoskopi atau Gastroskopi GI atas juga dikenali sebagai oesophagogastroduodenoscopy (OGDS). Ia adalah prosedur di mana doktor akan melihat keadaan lapisan esofagus (paip makanan), perut dan duodenum (bahagian pertama dan kedua usus kecil). Prosedur ini biasanya mengambil masa antara 5-10 minit sahaja.

Adakah Anda Tahu?

OGDS juga lebih tepat daripada ujian diagnostik Sinar-X untuk mengesan sebarang keradangan, ulser dan tumor pada esofagus, perut dan duodenum.

OGDS dapat membantu doktor untuk membuat diagnosis berdasarkan simptom seperti:



Sakit perut



Pedih ulu hati



Muntah darah



Loya



Kesukaran untuk menelan (Disfagia)



Hilang selera makan



Berat badan menurun



Darah dalam najis (najis hitam)



Kembung perut

Persediaan untuk Menjalani OGDS:



Anda perlu berpuasa sekurang-kurangnya 6-8 jam sebelum menjalani prosedur OGDS.



Elakkan memakai sebarang aksesori seperti barang kemas, jam tangan dan lain-lain sebelum datang ke Jabatan Endoskopi.



Tanggalkan gigi palsu.



Simpan barangan peribadi seperti beg, dompet dan telefon bimbit di dalam loker yang disediakan.

Bolehkah saya mengambil ubat-ubatan seperti biasa?

Kebanyakan ubat boleh diambil seperti biasa, tetapi terdapat sesetengah ubat yang boleh mengganggu persediaan atau pemeriksaan yang perlu dijalankan sebelum anda menjalani prosedur OGDS, terutamanya ubat-ubatan yang mengandungi aspirin, agen anti-platelet, ubat arthritis, ubat cair darah, clopidogrel, insulin atau produk yang mengandungi zat besi.

Pastikan anda memberitahu jururawat dan doktor jika anda mempunyai sebarang alahan ubat sebelum menjalani prosedur OGDS.



Apa berlaku semasa OGDS?

- 1 Tekak anda akan dikebaskan**
Tekak anda akan disembur dengan ubat bius setempat.
- 2 Posisi**
Anda akan diminta untuk mengiring.
- 3 Pelindung mulut**
Pelindung mulut akan diletakkan di mulut anda sebelum prosedur dijalankan.
- 4 Relaksasi**
Doktor akan memberikan ubat tidur untuk memastikan anda kekal selesa sepanjang prosedur OGDS dijalankan.
- 5 Skop akan dimasukkan**
Endoskopi akan dimasukkan secara perlahan melalui mulut, lalu turun ke esofagus, kemudian ke dalam perut, dan bahagian pertama usus kecil (duodenum).
- 6 Pemantauan**
Tanda vital akan dipantau setiap 5 minit sepanjang prosedur OGDS untuk memastikan keselamatan anda.

Apa berlaku selepas prosedur OGDS?


- 1** Anda akan dipantau sehingga anda sedar secara sepenuhnya.
- 2** Anda mungkin mengalami sakit tekak, rasa kebas, dan kembung perut yang disebabkan oleh kemasukan udara ke dalam perut semasa prosedur OGDS.
- 3** Makanan ringan akan diberikan kepada anda.
- 4** Doktor akan menjelaskan keputusan prosedur OGDS anda.
- 5** Untuk tujuan keselamatan, ia amat penting untuk mempunyai seseorang untuk menemani anda pulang selepas menjalani prosedur OGDS ini.
- 6** Selepas menjalani prosedur OGDS, elakkan:
 - Memandu kenderaan
 - Menggunakan sebarang mesin
 - Mengambil alkohol dan sebarang ubat-ubatan
- 7** Kesan sampingan prosedur dan ubat yang diberikan akan hilang pada keesokan harinya dan anda boleh meneruskan aktiviti harian seperti biasa.
- 8** Anda boleh kembali kepada diet biasa anda, melainkan diarahkan sebaliknya oleh doktor.
- 9** Sekiranya anda mengalami sakit perut yang teruk, pendarahan, demam, atau rasa loya/muntah berterusan selepas prosedur, dapatkan rawatan perubatan dengan segera.

2

Kolonoskopi

Apakah itu Kolonoskopi?

Kolonoskopi ialah pemeriksaan endoskopik usus besar (kolon) dengan menggunakan kamera atau kamera gentian optik pada tiub fleksibel yang dimasukkan melalui dubur. Ia memberikan diagnosis visual (contohnya untuk mengesan ulser, polip) dan memudahkan doktor untuk melakukan biopsi atau penyingkiran lesi kanser kolorektal yang disyaki.



Kolonoskopi disarankan untuk individu dengan:



Sembelit berpanjangan, pengosongan najis yang tidak lengkap



Cirit-birit berterusan



Cirit-birit berdarah



Pendarahan rektum



Cirit-birit berselang-seli dengan sembelit



Disyaki menghidap kanser kolon



Kehilangan darah yang tidak dapat dilihat oleh mata kasar, atau anemia



Kanak-kanak yang disyaki mempunyai polip kolon



Penemuan abnormal dalam keputusan ultrasonografi (USG) / tomografi berkomputer dipertingkat kontras (CECT)

Persediaan untuk Menjalani Prosedur Kolonoskopi



Makan ringan sehari sebelum prosedur kolonoskopi anda




Anda perlu berpuasa sebelum menjalani prosedur kolonoskopi. Elakkan daripada mengambil sebarang makanan atau minuman untuk tempoh masa tertentu seperti yang dinasihatkan sebelum prosedur.



Pada hari atau sehari sebelum menjalani prosedur kolonoskopi, anda akan diberikan larutan penyediaan usus untuk membantu membersihkan kolon anda. Pastikan anda kekal terhidrat sepanjang proses tersebut.

Apa akan berlaku selepas prosedur kolonoskopi?



Anda mungkin mengalami kekejangan perut ringan atau kembung perut akibat kemasukan udara ke perut anda semasa prosedur kolonoskopi. Sensasi ini akan reda dengan segera sebaik sahaja anda mengeluarkan gas dari usus anda (kentut) dan anda boleh makan selepas prosedur.




Endoskopik Kolangiopankreatografi Retrograd (ERCP)

Apa itu ERCP?

Endoskopik Kolangiopankreatografi Retrograd (ERCP) ialah prosedur di mana endoskop fleksibel, yang dipanggil duodenoskop pandangan sisi, dimasukkan melalui mulut dan lidah ke dalam esofagus, perut, bahagian pertama usus kecil, dan ke ampula Vater (pembukaan ke saluran hempedu).

Selapas suntikan kontras ke dalam sistem biliari, imej masa nyata—serupa dengan imej sinar-X akan dirakam. Imej-imej ini membolehkan doktor mengesan sebarang keabnormalan dalam saluran hempedu dan saluran pankreas, membolehkan intervensi selanjutnya dilakukan di bawah anestesia umum.



ERCP disarankan untuk individu dengan:



Saluran hempedu tersumbat atau terdapat batu dalam saluran hempedu



Kebocoran cecair dari saluran hempedu atau pankreas (contoh: saluran terganggu)



Saluran pankreas tersumbat atau terdapat penyempitan saluran pankreas



Tumor (kanser saluran hempedu atau saluran pankreas)



Jangkitan saluran hempedu

Persediaan untuk menjalani prosedur ERCP

Dapatkan konsultasi doktor mengenai sebarang keadaan kesihatan sedia ada atau ubat-ubatan yang sedang anda ambil, dan beritahu doktor jika ada mempunyai sebarang alahan.

Elakkan dari mengambil ubat cair darah seperti Aspirin selama seminggu sebelum anda menjalani prosedur ERCP.

Pastikan perut anda kosong. Jangan makan sebarang makanan atau cecair selama 8-12 jam daripada prosedur ERCP yang dijadualkan.

Tanggalkan semua aksesori, termasuk barang kemas, jam tangan, gigi palsu dan kanta lekap sebelum menjalani prosedur.

Anda akan diberikan ubat tidur semasa prosedur ERCP.

Apa akan berlaku selepas prosedur ERCP

Anda bebas untuk makan seperti biasa, melainkan jika diarahkan sebaliknya oleh doktor.

Jika terdapat luka pada duktus semasa prosedur, elakkan pengambilan ubat cair darah seperti Aspirin selama 7 hari.

Walaupun ERCP secara amnya dianggap selamat, adalah penting untuk anda tahu bahawa dalam 1-5% kes, pesakit mungkin mengalami komplikasi seperti pankreatitis (keradangan pankreas), kolangitis (keradangan saluran hempedu), pendarahan atau perforasi. Jika mana-mana komplikasi ini berlaku, dapatkan rawatan perubatan dengan segera.



Doktor Pakar Kami



Dr. Deborah Chew Chia Hsin
Pakar Perunding Gastroenterologi,
Hepatology dan Perubatan Dalamam



Dr. Johann Faizal Khan
Pakar Perunding Pembedahan Am
dan Hepatobiliari-Pankreatik



Dr. Loo Geng Loon
Pakar Perunding Pembedahan Am
dan Kolorektal



Dr. Tan Yee Ling
Pakar Perunding Pembedahan Am,
Payudara, dan Endokrin



Dr. Tan Yu Peng
Pakar Perunding Gastroenterologi,
Hepatology dan Perubatan Dalamam



Dr. Tee Teong Jin
Pakar Perunding Gastroenterologi,
Hepatology dan Perubatan Dalamam



**Dr. Ussof Eskaandar
Mohd Hussain**
Pakar Perunding Pembedahan Am
dan Kolorektal



Dato' Dr. Tikfu Gee
Pakar Perunding Pembedahan Am
dan Bariatrik



Dr. Ahmad Ramzi Yusoff
Pakar Perunding Pembedahan Am
dan Hepatobiliari-Pankreatik



Dr. Hairol Azrin Othman
Pakar Perunding Pembedahan Am
dan Hepatobiliari-Pankreatik



Dr. Kuar Wei Khie
Pakar Perunding Gastroenterologi,
Hepatology dan Perubatan Dalamam



Dr. Lim Shu Yu
Pakar Perunding Pembedahan Am



Dr. Tan Ooi Keat
Pakar Perunding Gastroenterologi,
Hepatology dan Perubatan Dalamam



Dr. Zairul Azwan
Pakar Perunding Pembedahan Am
dan Kolorektal

Hubungi kami di

WhatsApp : + 6019 320 2291
Talian Am : + 603 9772 9191
Talian Kecemasan : + 603 9772 9111

Waktu Operasi

Isnin-Jumaat : 8:30 pagi - 5:00 petang
Sabtu : 8:30 pagi - 1:00 petang
Tutup pada hari Ahad dan Cuti Umum



SUNWAYMEDICALCENTREVELOCITY

www.sunwaymedicalvelocity.com.my